

25 JAN, 2025

Huffaz Profesional UNITEN : Melakar masa depan gemilang

Sinar Harian, Malaysia



Huffaz Profesional UNITEN : Melakar masa depan gemilang

Oleh : Amaluddin Arshad, Pensyarah UNITEN.

PUTRAJAYA—Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) telah mengorak langkah ke hadapan dalam mendepani cabaran pendidikan moden melalui Program Huffaz Profesional. Program ini bertujuan menggabungkan penghafalan al-Quran dengan latihan professional. Melalui pendekatan ini, UNITEN berhasrat untuk melahirkan individu yang seimbang, berilmu dan berkeyakinan dalam menghadapi pelbagai cabaran dunia moden yang semakin mencabar.

Integrasi ilmu wahyu dan profesionalisme

Di tengah-tengah kemajuan teknologi, UNITEN mengakui bahawa terdapat keperluan untuk membangunkan generasi yang bukan sahaja terlatih secara teknikal tetapi juga berpegang kepada prinsip-prinsip moral dan etika yang digariskan oleh al-Quran. Program Huffaz Profesional ini direka khas untuk memastikan pelajar mempunyai pengetahuan holistik yang merangkumi aspek kerohanian dan profesional. Melalui pengajian ini, pelajar dididik untuk menjadi pemimpin masa depan yang berkarisma, berintegriti, serta mampu menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara.



Seramai 21 pelajar cemerlang tahfiz UNITEN mengikuti program Tahsin Al-Quran Bersanad di Mesir dan berjaya menamatkan 30 juzuk dalam masa 14 hari.



Pelajar Tahfiz UNITEN, Ahmad Ikmal Mohd Ridhuan dinobatkan Johan Hafazan Al Quran Peringkat Kebangsaan (MTHQK) 1444H/2023M.

UNITEN percaya bahawa pencapaian akademik tidak mencukupi tanpa penguasaan kemahiran komunikasi, kepimpinan, dan pemikiran kritis. Program Huffaz Profesional ini mengintegrasikan semua elemen ini di dalam setiap aspek pembelajaran, memastikan pelajar bukan sahaja mampu menghafaz al-Quran dengan baik tetapi juga mampu berinteraksi dan berkomunikasi dengan berkesan di dalam dan di luar lingkungan akademik. Kemahiran ini adalah penting bagi mereka yang ingin memberi impak positif kepada masyarakat dan negara. Pelbagai aktiviti kokurikulum seperti program pemantapan diri, Tadabbur al-Quran, dan penglibatan dalam masyarakat, akan membantu pelajar Huffaz Profesional di UNITEN untuk beradaptasi dan menyesuaikan diri dengan pelbagai situasi agar mampu menjadi individu yang lebih berdaya saing.

Mengapa Huffaz Profesional UNITEN?

UNITEN menawarkan pelbagai bidang pengajian Huffaz Profesional yang relevan dengan keperluan industri semasa. Di antara bidang pengajian yang diintegrasikan bersama program Huffaz Profesional ini adalah Kejuruteraan, Sains Komputer & Sistem Maklumat, Ekonomi, Perakaunan dan Bisnes. Setiap program akademik ini direka untuk melahirkan generasi huffaz yang mahir dalam bidang profesional dan mampu bersaing samada diperingkat nasional mahupun antarabangsa.

Program Huffaz Profesional di UNITEN juga didokong oleh pensyarah yang berpengalaman dan berdedikasi. Mereka bukan sahaja memiliki kelayakan akademik yang tinggi, tetapi juga pemahaman yang mendalam tentang kepentingan mengintegrasikan nilai-nilai agama dengan pengetahuan teknikal. Proses pembelajaran dirancang sedemikian rupa agar dapat mempromosikan pemikiran kritis dan kreativiti dalam kalangan pelajar. Dengan bimbingan dan sokongan yang berterusan, pelajar di UNITEN didorong untuk mencapai kecemerlangan bukan hanya dalam akademik tetapi juga dalam akhlak dan keperibadian.

Selain itu, UNITEN menyediakan pelbagai kemudahan dan sumber pembelajaran yang terkini untuk memperkaya proses pengajian. Fasiliti moden seperti makmal komputer, perpustakaan yang lengkap dan ruang pembelajaran kolaboratif membolehkan pelajar untuk belajar dalam suasana yang kondusif. Setelah menamatkan program ini, graduan Huffaz Profesional UNITEN akan lebih bersedia untuk memasuki dunia pekerjaan dengan keunikan dan kelebihan yang dimiliki. Melalui penyertaan dalam program Huffaz Profesional, pelajar akan memiliki kelebihan dalam membuat keputusan berlandaskan Al-Quran sambil meneruskan pengajian di bidang profesional pilihan mereka.

Penajaan pendidikan dan kejayaan alumni

Program Huffaz Profesional UNITEN, mendapat tajaan penuh daripada MARA di bawah *Young Talent*



Para pelajar Huffaz Profesional UNITEN dibawa menunaikan umrah sebaik sahaja selesai menamatkan Tahsin bersanad di Mesir.

Programme (YTP) dengan Kerjasama Tabung Amanah Zakat UNITEN (TAZU). Melalui program ini, UNITEN telah melahirkan kira-kira 260 Huffaz Profesional sejak tahun 2012 dan menjadi pilihan utama majikan terkemuka. Alumni hebat seperti Ir. Dr. Muhamad Aiman Jalani (Ketua Jurutera, Putrajaya Holdings), Ts. Dr. Anis Muneerah Shaiful Bahari (Penyelidik, TNB Research Sdn. Bhd.), dan Muhammad Izzat Arif Hassim (Pengasas Sheikh Mobile Sdn. Bhd.) adalah antara bukti kejayaan program Huffaz Profesional UNITEN, menyerahkan bakat luar biasa para graduanya di peringkat nasional dan antarabangsa.

Kesimpulannya, program pengajian Huffaz Profesional UNITEN adalah jawapan kepada keperluan generasi masa kini untuk mengukir kegemilangan hari esok. Generasi yang mampu mengimbangi tuntutan spiritual dan profesional. Dengan menyertai program ini, anda tidak hanya melakar masa depan yang cerah untuk diri sendiri tetapi juga memberi impak besar kepada keluarga, masyarakat dan negara.

Daftarlah sebagai pelajar Huffaz Profesional di UNITEN hari ini dan jadilah sebahagian daripada generasi yang bakal mencorakkan masa depan bangsa dan negara agar menjadi lebih cemerlang, gemilang dan terbilang.